

14 AUG 1997

AGONG UTUS TAHNIAH SEMPENA HARI KEMERDEKAAN KEPADA KOREA SELATAN

KUALA LUMPUR, 14 Ogos (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Ja'afar, menghantar perutusan tahniah kepada Presiden Korea Selatan Kim Yong-sam sempena Hari Kebangsaan ke-52 republik itu esok.

Menurut kenyataan Wisma Putra di sini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga menghantar perutusan kepada rakan sejawatannya, Koh Kun.

Beliau berharap kerjasama yang meningkat antara sektor swasta kedua-dua negara akan mendorong perkembangan hubungan ekonomi dan perdagangan antara Malaysia dan Korea Selatan.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi juga menghantar perutusan yang sama kepada rakan sejawatannya Yoo Chong-Ha. -- BERNAMA

YBK AKD